



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 03-8870 8000

Faks : 03-8870 8004

Portal : <http://www.maqis.gov.my>

Ruj kami: MAQIS. 800/1/1/ 6 (91)

Tarikh: 5 Jun 2021

SENARAI SEPERTI EDARAN

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMBAYARAN PEMERIKSAAN MELALUI MAQISPAY BAGI KOMODITI TANPA DAN TIADA KEPERLUAN PERMIT

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan, pihak Dagangnet Technologies telah melaksanakan penambahbaikan bagi modul pembayaran secara atas talian melalui MAQISPay bagi pembayaran caj pemeriksaan yang melibatkan komoditi pertanian dan Agromakanan yang tanpa dan tiada keperluan permit. Pelaksanaan pembayaran atas talian ini hanyalah tertakluk kepada caj pemeriksaan sahaja yang akan dikenakan di seluruh pintu masuk.

3. Sehubungan dengan itu, **pelaksanaan ini akan berkuatkuasa serta merta bagi memudahkan pegawai dan pengguna untuk mengurus dan melaksanakan pembayaran secara atas talian dalam sistem i-MAQIS bagi komoditi yang tanpa dan tiada keperluan permit.** MAQISPay kini berfungsi dalam membantu pengguna untuk melaksanakan pembayaran secara atas talian bagi pemeriksaan untuk komoditi berpermit, tanpa dan tiada permit serta pemeriksaan bagasi berpermit.

4. Dilampirkan langkah-langkah bagi melaksanakan pembayaran seperti ketetapan di bawah:

1. Pegawai MAQIS perlu mengisi alamat emel pengguna yang sah dan aktif dalam iMAQIS (**mandatori**);
2. Pautan untuk membuat bayaran akan dihantar ke emel pengguna tersebut; dan
3. Pengguna perlu menekan (*klik*) pada pautan dan boleh mula membuat pembayaran tersebut dengan mengikut semua langkah yang dipaparkan (**proses bayaran biasa untuk online banking**).

Kaedah ini hanyalah untuk pengguna yang tidak mempunyai akaun iMAQIS yang mengimport atau mengeksport komoditi Agromakanan/ pertanian/ haiwan/ ikan yang tiada keperluan permit seperti dinyatakan dalam Perintah Kastam 2017 sahaja (**one-time user**).

Ruj kami: MAQIS. 800/1/1/ 6 (01)
Tarikh: 15 Jun 2021

**PEMAKLUMAN PEMBAYARAN PEMERIKSAAN MELALUI MAQISPAY BAGI
KOMODITI TANPA DAN TIADA KEPERLUAN PERMIT**

5. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR)

Timbalan Ketua Pengarah

b.p.: Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

s.k.:

1. Ketua Pengarah MAQIS
2. Semua Pengarah Bahagian
3. Semua Pengarah MAQIS Negeri

Ruj kami: MAQIS. 800/1/1/ 6 (91)
Tarikh: 15 Jun 2021

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Urusan

DAGANGNET TECHNOLOGIES SDN BHD
DagangNet Tower, Block 10 (A&B)
Corporate Park Star Central
Lingkar Cyberpoint Timur, Cyber 12,
63000 Cyberjaya, Selangor

Mohon kerjasama pihak tuan
untuk memuat naik pemakluman
modul tersebut ini dalam sistem.

2. Pengerusi

Selangor Freight Forwarders And Logistic Associations (SFFLA)
Wisma SFFLA, 23, Jalan Cemerlang
42000 Pelabuhan Klang, Selangor

3. Pengerusi

Malaysian Freight Forwarders Associations (MAFFA)
23, Jalan Cemerlang
42000 Pelabuhan Klang, Selangor

4. Pengerusi

Airfreight Forwarders Associations of Malaysia (AFAM)
2nd Floor, 16B
Jalan Kemuja, Bangsar Utama
59000 Kuala Lumpur

5. Pengerusi

Federation of Malaysian Manufactures (FMM)
Wisma Tani, No.3, Persiaran Dagang
PJU 9, Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur

6. Pengerusi

Kuala Lumpur & Selangor Fruit Farmers Associations
17-18, Jalan SC4
Pusat Perindustrian Sungai Chua
Bandar Kajang, 43000 Kajang, Selangor

7. Pengerusi

The Malaysian Frozen Foods Processors Associations (MFFPA)
60-B, 2nd Floor, Jalan Perai Jaya 4
Bandar Perai Jaya
13600 Perai, Pulau Pinang

Mohon kerjasama pihak
tuan untuk memaklumkan
mengenai pelaksanaan ini
kepada semua pihak yang
terlibat.

8. Pengerusi

Johor Port Shipping & Forwarding Association (JPSFA)

19A, Jalan Ros Merah 2/5,

Johor Jaya, 81100 Johor Bahru, Johor